



Headline: Doktor rugi hampir RM10,000 ditipu 'pegawai LHDN'  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 18 March 2021

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 28

## Doktor rugi hampir RM10,000 ditipu 'pegawai LHDN'

### **KUALA TER- RENGGANU -**

Seorang doktor perubatan berusia 26 tahun kerugian hampir RM10,000 dipercayai diperdaya sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) pada Ahad.



**M ZAMBRI**

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Terengganu, Superintendan M Zambri Mahmud berkata, wanita yang bertugas di sebuah hospital kerajaan itu menerima panggilan daripada 'pegawai LHDN' kira-kira jam 9 pagi.

"Suspek mendakwa mangsa mempunyai tunggakan cukai syarikat perabot miliknya sebanyak RM16,800.25 tetapi panggilan itu kemudian disambungkan kepada Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang.

"Seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai 'Sarjan Nizam' menyambut panggilan berkenaan sebelum disambungkan kepada pegawai polis Bukit Aman," katanya.

Menurutnya, mangsa kemudian dimaklumkan namanya dikesan terlibat jenayah penyeludupan dadah.

"Suspek terus meminta mangsa menyerahkan nombor akaun dan kata laluan bank miliknya dengan memberi alasan untuk semakan dengan Bank Negara," katanya pada Khamis.

Mangsa hanya menyedari ditipu selepas menerima mesej daripada bank mengenai beberapa transaksi ke akaun tidak dikenali berjumlah hampir RM10,000 kira-kira jam 6.30 petang pada hari sama dan terus membuat laporan polis.